

17 SEP 2002

Mahathir-pelajar/I

PILIHAN LAIN BAGI PELAJAR MALAYSIA YANG TAK DAPAT KE AMERIKA

SHAH ALAM, 17 Sept (Bernama) -- Malaysia akan mencari institusi pengajian tinggi lain untuk pelajar-pelajarnya yang tidak dibenarkan masuk ke Amerika Syarikat ekoran dasar imigresen baru negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sudah tentu kita akan mencari jalan supaya mereka dapat menyambung pelajaran. Agak malang juga kerana mereka ini bukannya pengganas," kata Perdana Menteri pada sidang media selepas merasmikan satu seminar mengenai Islam di sini hari ini.

Semalam, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin berkata, lebih 150 pelajar Malaysia kebanyakannya beragama Islam, dilarang oleh Washington daripada memasuki Amerika untuk menyambung pelajaran di beberapa universiti di negara itu.

Abdul Aziz berkata kebanyakan pelajar-pelajar itu adalah dalam tahun ketiga atau tahun akhir pengajian masing-masing.

Ketika ditanya mengenai hak pelajar-pelajar ini untuk meneruskan pengajian mereka, Dr Mahathir berkata larangan memasuki sesebuah negara adalah hak negara berkenaan dan ia tidak boleh dipertikaikan.

"Memanglah, itu negara mereka. Saya fikir mereka ada hak...kita juga ada hak melarang orang, (termasuk) golongan yang tidak diingini, daripada memasuki negara kita," katanya.

Mengenai peraturan Amerika menyekat kemasukan rakyat Malaysia yang beragama Islam, Perdana Menteri berkata ianya adalah keputusan Amerika dan tidak boleh dipersoalkan.

"Itu keputusan mereka...negara mereka. Saya tidak mahu menyoal tetapi jangan pula datang dan campur tangan dalam pentadbiran negara kita," katanya.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan menghantar nota bantahan kepada Amerika mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata beliau akan membangkitkannya dalam mesyuarat kabinet "tetapi biasanya kita tidak membantah".

Dr Mahathir juga berkata Bangsa-bangsa Bersatu perlu menarik balik beberapa sekatan terhadap Iraq kerana negara itu kini bersetuju membenarkan pemeriksaan senjata dari badan dunia itu memasuki Baghdad.

"Sekatan ini tidak memudaratkan (Presiden Iraq) Saddam Hussein tetapi membawa kesengsaraan kepada orang miskin, orang tua, kanak-kanak, wanita mengandung...semua golongan ini menjadi mangsa, dan untuk mengatakan bahawa Saddam Hussein adalah seorang yang kejam walaupun jika dia tidak peduli rakyatnya, kita tidak berlaku adil kepada semua orang ini dengan menghukum mereka kerana sesuatu perkara yang bukan angkara mereka," katanya.

Mengenai keganasan, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus menangkap sesiapa saja yang ada kaitan dengan rangkaian pengganas apabila mereka dikenal pasti.

Katanya dunia telah sedar mengenai punca keganasan dan kini ia perlu memikirkan bagaimana punca-punca ini dapat ditangani.

"Jika kita terus berdebat mengenai keganasan, ia akan terus berlarutan. Kita akan lakukan apa yang sepatutnya untuk membanteras keganasan," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

SR AZH MAI